

Hayati Rukun Negara teras perpaduan

KUALA LUMPUR 15 Dis. – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu rakyat Malaysia sentiasa mengingati ikatan yang telah dipersetujui menerusi penghayatan Rukun Negara yang menjadi teras kepada kekuatan dan perpaduan negara.

Kata beliau, penghayatan itu penting bagi melatih rakyat supaya mengawal diri daripada melukakan hati sesama rakyat dan sekali gus akan menyebabkan ketegangan di dalam negara.

“Sehubungan itu, perlu diingatkan ikatan yang telah kita setujui untuk menjadi kita kuat, ikatan bahasa kebangsaan, ikatan fahaman dan ikatan bangsa yang telah dipegang teguh menerusi Rukun Negara.

“Menerusi penghayatan itu, ia akan

menjadi rangka kerja yang boleh mengawal kita daripada terkeluar dalam lingkungan keluhuran perlembagaan.

“Sekiranya ikatan itu telah longgar, kita perlu ketatkan dan sekiranya yang lama telah lupa dan yang muda tidak tahu, kita perlu balik ke satu situasi yang perlu diperbetulkan,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada majlis Perasmian Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk (PPP) Malaysia Ke-53 di sini hari ini.

Turut hadir Presiden PPP, Datuk M. Kayveas, Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Pawanteh dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.

Um - 16/12/2006
Abdullah turut menegaskan perlunya polarisasi di sekolah-sekolah dikurangkan bagi mewujudkan perpaduan di kalangan pelajar kerana keadaan ini amat membimbangkan.

“Saya juga mahu sekolah kebangsaan menjadi pilihan utama kepada ibu bapa dan dengan rela hati untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah ini.

“Tiada bezanya antara sekolah kebangsaan dengan sekolah aliran lain, jika nak pelajaran bahasa Cina, kita akan sediakan dan begitu juga dengan bahasa Tamil,” katanya.

Perdana Menteri sentiasa mengingatkan dirinya bahawa sebagai ketua kerajaan dan Pengerusi Barisan Nasional (BN), beliau

mempunyai tanggungjawab berat untuk memastikan kesaksamaan untuk semua.

“Saya memahami bahawa dalam parti-parti komponen yang majoriti anggotanya adalah dari satu kaum, kadangkala timbul cakap-cakap yang menyentuh hubungan kaum.

“Apa yang penting ialah bagaimana kepimpinan memberi maklum balas kepada desakan-desakan seperti itu,” jelasnya.

Tambah beliau, jika kepimpinan turut sama, maka susah untuk diselesaikan.

“Justeru, pemimpin perlu berhati-hati dan memahami serta mengambil pendirian demi kepentingan kaum, saya percaya akan jadi satu seimbangan dan toleransi untuk kemajuan di masa hadapan,” katanya.